

09 OCT 1997

Mahathir-Strategi

KERAJAAN GUBAL STRATEGI ATASI KESAN KEJATUHAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedang menggubal strategi yang dijangka mampu menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dengan kerjasama sepenuhnya daripada segenap lapisan rakyat.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak boleh menghuraikan strategi yang dimaksudkan itu sekarang tetapi beliau berani memberi jaminan bahawa ia tidak akan merugikan mana-mana pihak.

"Kita nampak ada juga cara (untuk menangani kesan kejatuhan nilai ringgit) tetapi cara itu memerlukan kerjasama dari seluruh rakyat negara kita ini sama ada dia menjadi pekerja atau dia menjadi manager (pengurus) atau dia menjual barang, semuanya.

"Kalau kita sanggup menerima pendekatan yang sedang dikaji oleh pihak kerajaan saya yakin kita boleh mengatasi masalah ini. Tapi saya tak bolehlah cakap apa dia (strategi itu pada masa ini)," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyampaikan ucapan dan merasmikan seminar pemikiran strategik di Wisma MCA, di sini.

Semalam, Perdana Menteri berkata, mesyuarat mingguan Kabinet telah membincangkan beberapa strategi untuk menangani kesan kejatuhan nilai ringgit tetapi ia memerlukan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat di samping disiplin dalam menghadapi masalah itu.

Dr Mahathir berkata, strategi itu tidak memerlukan rakyat melakukan apa-apa pengorbanan selain mengikuti dengan penuh disiplin cara-cara yang dicadangkan kerajaan.

"Melalui strategi yang kita fikir ini tidak ada siapa yang akan rugi tetapi mereka mesti ikut cara-cara yang kita gubal ini. Kalau ikut, tak ada siapa yang akan rugi apa-apa," katanya.

Ketika ditanya bila strategi itu akan dilaksanakan, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan terburu-buru kerana ia yakin sebanyak mana sekalipun nilai ringgit jatuh kesannya masih boleh diatasi.

Katanya, apa yang penting ialah rakyat patut memberi peluang kepada strategi itu dilaksanakan sebelum membuat sebarang penilaian atau andaian.

"Tahu sajalah di Malaysia ni apa juga yang kita cadang, ada sahaja orang kata tak betul. Biasanya itulah, ada orang yang selalu complaint (merungut) sahaja, tak pernah betul," katanya.

Bagaimanapun, dengan sokongan padu yang diberikan rakyat kepada beliau dan kerajaan untuk menangani serangan terhadap ekonomi negara sekarang, Dr Mahathir berkata beliau semakin yakin bahawa pendekatan yang sedang digubal kerajaan itu akan diterima oleh majoriti.

Dalam ucapannya sebelum itu, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia akan rugi jika mereka menjadi panik dan kehilangan sikap disiplin dalam menghadapi keadaan sekarang.

"Tetapi jika kita terus bertenang dan berdisiplin dalam melaksanakan sesuatu rancangan, walaupun yang lemah daripada segi strateginya, kita akan berjaya jika tidak sepenuhnya, maka sebahagiannya. Dan sambil kita melangkah ke hadapan kita terus membuat penyesuaian, dan kita akan pulih," katanya.

Mengenai pemikiran strategik, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan tercatat dalam sejarah sebagai pemikir agung kerana beliau percaya beliau seorang yang lebih suka bertindak.

Beliau berkata, banyak orang berpendapat yang kerap-kali beliau "cepat melinting" tanpa melihat sasarannya manakala sesetengahnya pula menganggap

beliau bermulut celupar.

"Barangkali ada betulnya kata mereka itu. Tentulah mereka sudah memastikan sasarannya terhadap saya sebelum mereka berkata demikian. Tetapi jika kita memegang jawatan awam, kita kenalah sanggup menjadi sasaran," katanya.

Dengan nada lebih serius, Dr Mahathir berkata Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang membenarkan ketidak-samaan pada tahap tertentu dalam pasaran bebas yang berperaturan, merupakan strategi bagi mencapai kestabilan politik dan pembangunan ekonomi di samping mengatasi perbezaan ekonomi dan sosial dalam masyarakat berbilang kaum.

Beliau berkata walaupun kepentingan dan perasaan semua pihak (Bumiputera dan bukan-Bumiputera) sudah diberi pertimbangan, terdapat banyak kritikan termasuk daripada kalangan orang asing yang kononnya serba tahu dan serba bijak dengan mendakwa DEB membenarkan diskriminasi.

"Tetapi DEB diteruskan juga," kata beliau. Dan untuk tidak mengambil apa yang sudah dimiliki oleh mereka yang berada, maka peluang dan bidang baru telah dikenal pasti atau diwujudkan.

Beliau berkata DEB tidak sekali-kali menghalang pertumbuhan ekonomi negara malah sebaliknya pertumbuhan Malaysia dalam tempoh pelaksanaan penuh DEB adalah agak luar biasa.

"Negara-negara yang tidak mempunyai masalah kaum pun tidak mencapai pertumbuhan yang sepesat Malaysia," kata beliau.

Dengan menyebut Persyarikatan Malaysia sebagai satu lagi contoh kejayaan pelaksanaan dasar strategik oleh kerajaan, Dr Mahathir berkata sesuatu strategi tidak semestinya boleh dijalankan walaupun jika ia betul.

"Pelaksanaan strategi yang difikirkan dengan amat teliti pun memerlukan pertimbangan yang cermat," katanya.

Dr Mahathir berkata pragmatisme dan fleksibiliti diperlukan tetapi ia janganlah sampai menggagalkan strategi itu.

Satu lagi contoh yang disebutkan ialah pakatan strategik parti pemerintah Barisan Nasional (BN) yang membolehkan pelbagai kaum sehingga kepada kaum yang kecil pun bekerja bersama-sama tanpa kehilangan identiti dan kepentingan masing-masing

"Strategi Barisan Nasional adalah mudah dan diterima akal. Ia berasaskan kepada apa yang dipercayai dan dianggap baik oleh semua orang, lebih-lebih lagi oleh mereka yang tidak terlibat," kata beliau. -- BERNAMA

AH MNY NMO